

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG]**

**TARIKH : 7 OKTOBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan bagaimanakah dasar Wawasan Kemakmuran bersama dapat membantu mengurangkan jurang kemiskinan terutama golongan miskin bandar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sepertimana ahli Yang Berhormat sedia maklum, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB) yang telah dilancarkan pada 5 Oktober 2019 oleh YAB Perdana Menteri merupakan hala tuju baharu pembangunan negara bagi tempoh 10 tahun iaitu mulai tahun 2021 hingga 2030.

2. Menerusi WKB, pembangunan negara perlu dipertingkatkan supaya pendapatan negara lebih tinggi dapat dicapai serta diagihkan kepada semua rakyat Malaysia merentasi kumpulan pendapatan, etnik, pembangunan wilayah dan rangkaian bekalan. Pembangunan yang mampan dengan menjamin pengagihan ekonomi yang adil dan saksama serta inklusif akan mewujudkan kestabilan politik, kemakmuran negara dan kehidupan rakyat yang bersatu padu tanpa prasangka dengan meraikan kepelbagaian bangsa dan budaya sebagai asas penyatuan negara bangsa.

3. Sehubungan itu, melalui WKB usaha akan dipergiat dalam meningkatkan kuasa beli rakyat dan keupayaan meningkatkan pendapatan isi rumah miskin dan berpendapatan rendah di bandar dan luar bandar supaya tidak terus ketinggalan. Dasar dan strategi serta inisiatif khusus pelaksanaan sedang giat dirangka oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan akan dibentangkan dalam Rancangan Malaysia Kedua belas (RMKe-12) pada tahun hadapan.

4. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada masa ini akan terus berusaha dengan perancangan yang mantap untuk meningkatkan pendapatan dan kuasa beli serta kesejahteraan isi rumah B40 terutamanya isi rumah miskin dan berpendapatan rendah di bandar dan luar bandar melalui pendekatan berikut:

- (i) Pertama, menyediakan program peningkatan pendapatan serta keperluan asas meliputi aspek perumahan, pendidikan dan kesihatan;
- (ii) Kedua, meningkatkan keupayaan mendapat pekerjaan yang berpendapatan lebih tinggi dengan membina kapasiti dan keupayaan;
- (iii) Ketiga, menggalakkan keusahawanan dan akses kepada pembiayaan kewangan untuk menjana pendapatan dengan menceburi bidang perniagaan; dan
- (iv) Keempat, meningkatkan sistem perlindungan sosial dengan mewujudkan satu rangka kerja sistem perlindungan sosial yang bersepadu dan komprehensif.

5. Segala usaha ini dijangka akan dapat memastikan tiada kumpulan isi rumah serta wilayah yang ketinggalan dan setiap rakyat dapat menikmati kemakmuran negara sejajar dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Sekian, terima kasih.